


**BANCI PENDUDUK
DAN PERUMAHAN MALAYSIA
1980**



*1980 POPULATION
AND HOUSING CENSUS
OF MALAYSIA*

**ARAHAN-ARAHAN AM
KEPADA PENGHITUNG-PENGHITUNG**

*GENERAL INSTRUCTIONS
TO ENUMERATORS*

NOVEMBER, 1979.

BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA, 1980

ARAHAN-ARAHAN AM KEPADA PENGHITUNG-PENGHITUNG

BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA, 1980

ARAHAN-ARAHAN AM KEPADA PENGHITUNG-PENGHITUNG

KANDUNGAN

<i>Bahagian</i>	<i>1</i>	<i>Pendahuluan</i>
<i>Bahagian</i>	<i>2</i>	<i>Sebelum Penghitungan Peringkat Pertama Dimulakan</i>
<i>Bahagian</i>	<i>3</i>	<i>Penghitungan Peringkat Pertama</i>
<i>Bahagian</i>	<i>4</i>	<i>Tatatertib Anda Semasa Penghitungan</i>
<i>Bahagian</i>	<i>5</i>	<i>Masaalah-Masaalah Temuramah</i>
<i>Bahagian</i>	<i>6</i>	<i>Sebelum Penghitungan Peringkat Kedua Dimulakan</i>
<i>Bahagian</i>	<i>7</i>	<i>Penghitungan Peringkat Kedua</i>

BAHAGIAN I : PENDAHULUAN

1.1. KERJA ANDA

- 1.1.1. Buku panduan ini yang dibahagikan kepada tujuh bahagian menerangkan kepada anda tentang kerja yang akan anda jalankan dalam berbagai-bagai peringkat kerja-kerja Banci. Anda akan dapati garis-garis kasar kerja anda, senarai alatan kerja dan borang-borang yang akan digunakan serta beberapa tindakan yang harus diambil sekiranya anda menghadapi masalah-masalah.

(Ingatan Kepada Penyelia: Bahagian 1 hingga 5 hendaklah dibaca semasa latihan Peringkat Pertama dan bahagian 4 hingga 7 dibaca semasa latihan Peringkat Kedua).

- 1.1.2. Sila baca buku ini dengan teliti. Ia tidak sukar dan mungkin membezakan diri anda sebagai seorang penghitung yang cekap serta berkeyakinan dari seorang yang bersikap tidak menggalakkan dan tidak berketentuan.
- 1.1.3. Sekiranya maklumat yang dikutip bukan dari hasil pekerjaan yang sempurna, maka semua wang dan usaha akan tersia-sia sahaja. Anda merupakan orang yang akan bertanya soalan-soalan dan mencatatkan jawapan-jawapannya, oleh itu anda adalah menjadi anggota yang *amat penting* dalam Organisasi Banci. Jika anda tidak membuat kerja dengan baik, bererti Banci akan gagal.

1.2. APAKAH BANCİ?

- 1.2.1. Semasa anda menjalankan tugas, mungkin ada orang menyoal anda tentang Banci ini. Mereka menunjukkan perhatian dan menaruh minat dan sudah sewajarnya diberikan jawapan. Supaya anda dapat memberi jawapan yang jelas, adalah dicadangkan anda membaca perenggan yang berikut dan cuba ingatkan beberapa fikiran yang tertera di sini.
- 1.2.2. *Banci Malaysia ialah satu penghitungan yang sepenuhnya ke atas semua orang dan seluruh rumah-rumah di seluruh negara.* Ini adalah satu cara yang baik dan teratur untuk mengetahui bilangan penduduk dan rumah di negara ini. Bagaimanapun, Banci adalah sangat penting bagi Negara kerana ianya bukanlah semata-mata memberitahu kita tentang jumlah penduduk dan rumah-rumah sahaja tetapi ianya adalah penting kerana sebilangan besar maklumat-maklumat lain adalah juga dikumpulkan. Soalan-soalan yang dikemukakan termasuk perkara-perkara seperti umur, pelajaran, pekerjaan, pengangguran, besarnya bilangan ahli keluarga, bekalan air, kemudahan tandas dan bilik mandi dan lain-lain lagi. Kesemua maklumat ini akan membolehkan kerajaan merancang dengan lebih baik bagi sekolah-sekolah, perkhidmatan kesihatan, jalan-jalanraya, pekerjaan, keadaan perumahan dan banyak lagi keperluan-keperluan yang lain.
- 1.2.3. Banci Penduduk ini biasanya diadakan tiap-tiap 10 tahun sekali. Banci Penduduk yang paling akhir dijalankan di Malaysia ialah pada tahun 1970.

1.3. PERLAKSANAAN BANCİ

- 1.3.1. Anda hendaklah mengingatkan bahawa kerja anda ini terbahagi kepada dua peringkat.

Peringkat Pertama ialah *Banci Perumahan* yang akan bermula pada 17hb. Mei 1980 dan akan berlanjutan kira-kira sepuluh hari.

Peringkat Kedua ialah *Banci Penduduk* yang akan bermula pada 11hb. Jun 1980 dan memakan masa kira-kira selama delapan belas hari.


1.3.2. Peringkat Pertama melibatkan kerja menomborkan dan menyenaraikan Tempat-tempat Kediaman serta mencatatkan ciri-cirinya, iaitu jenis, dinding, bumbung, kemudahan tandas, bekalan air dan lain-lain lagi.

1.3.3. Peringkat Kedua menyenaraikan orang-orang yang tidur di dalam Tempat Kediaman pada Malam Banci dan mencatatkan ciri-ciri mereka.

Peringkat Pertama



Peringkat Kedua




BAHAGIAN 2: SEBELUM PENGHITUNGAN PERINGKAT PERTAMA DIMULAKAN

2.1. LATIHAN

2.1.1. Sebelum penghitungan Peringkat Pertama dijalankan, anda akan diberi latihan. Anda akan diberi latihan sebaik-baik sahaja sebelum Peringkat Pertama dimulakan, (Anda akan diberi satu lagi latihan sebaik-baik sahaja sebelum Peringkat Kedua dimulakan. Kesemuanya anda akan diberi latihan sebanyak dua kali).


2.1.2. Latihan ini adalah sangat mustahak. Sekiranya anda tidak menghadiri latihan-latihan ini, anda tidak akan dibenarkan menjalankan kerja-kerja Banci. Sila juga ambil ingatan bahawa anda akan dibayar gaji untuk menghadiri latihan ini.



2.2. BLOK PENGHITUNGAN ANDA

(Ingatan Kepada Penyelia: Minta Penghitung-Penghitung supaya merujuk kepada Buku Penyenaraian Rumah – Borang 1).

- 2.2.1. Semasa latihan Peringkat Pertama anda akan diberi beberapa peta yang mengandungi keterangan sempadan-sempadan Blok Penghitungan anda. Sila anda lihat mukasurat 70, 71, 72 dan muka dalam kulit belakang Buku Penyenaraian Rumah anda. Anda bertanggungjawab bagi menghitung setiap orang, setiap isirumah dan setiap tempat kediaman di blok anda itu.
- 2.2.2. Pastikan bahawa anda telah jelas dengan sempadan-sempadan blok anda. Bincangkan sebarang kesulitan dengan Penyelia anda. Sekiranya anda memasuki blok orang lain kemungkinan beberapa orang akan dihitung dua kali. Sebaliknya pula mungkin beberapa Tempat Kediaman dan orang-orang akan tertinggal kerana anda telah keliru tentang sempadan anda itu.



- 2.2.3. Anda adalah bertanggungjawab atas Blok Penghitungan anda sendiri. Hendaklah anda pastikan bahawa tiada sesiapa di dalam blok anda yang telah tertinggal dari pembancian ini.
- 2.2.4. Penyelia anda bersedia untuk melatih dan memberi panduan jika anda menghadapi apa-apa kesulitan. Beliau adalah juga ketua anda dan berharap anda dapat memberikan perhatian terhadap kerja anda dengan sempurna. Beliau akan menyemak kerja-kerja anda dan akan memberitahu anda jika anda membuat apa-apa kesalahan. Dengar nasihatnya dan patuhilah arahannya.

2.3. ALATAN KERJA BANCi DAN BORANG-BORANG YANG ANDA AKAN GUNAKAN

(Ingatan Kepada Penyelia: Tunjukkan cara-cara yang betul penggunaan alatan-alatan dan borang-borang tersebut kepada Penghitung-penghitung).


2.3.1. Alatan Kerja Banci :

Semasa latihan Peringkat Pertama, anda akan diberi alatan kerja banci berikut:-

- (i) *Sebuah kotak kadbod kosong (untuk Peringkat Pertama). Anda dikehendaki menggunakan kotak ini untuk menyimpan Borang 2 yang telah digunakan dan belum digunakan. Pada penghujung tempoh kerja penghitungan Peringkat Pertama, anda dikehendaki mengembalikan semua borang yang telah dipenuhi dalam kotak ini kepada Penyelia anda, sementara borang-borang yang tidak digunakan dan dibatalkan dipulangkan berasingan.*
- (ii) *Sebuah fail kotak berwarna hijau dan kelip. Fail kotak ini akan digunakan untuk kerja penghitungan setiap hari. Pada tiap-tiap hari, anda akan memulakan kerja dengan mengisi borang-borang dengan secukupnya bagi hari itu ke dalam fail kotak ini. Borang-borang yang telah digunakan pada hari itu akan dipindahkan dari fail kotak ke kotak kadbod sebagai sebahagian dari kerja rumah anda.*

Fail kotak tersebut mempunyai kulit yang keras. Anda dikehendaki menanda borang-borang dengan menggunakan fail kotak itu sebagai pengalas. Kelip tersebut adalah untuk menetapkan kedudukan borang di atas kulit fail kotak tersebut.
- (iii) *Satu set alatulis. Alatulis ini terdiri dari dua batang pensil, satu getah pemadam dan satu pengasah pensil.*
- (iv) *Kad Pengenalan diri anda (Borang 39), lencana, dan surat perlantikan. Anda mesti membawa kad pengenalan diri anda dan memakai lencana semasa menjalankan kerja penghitungan. Anda juga hendaklah membawa surat perlantikan diri anda semasa bertugas.*
- (v) *Sebuah kotak paku payung (thumb-tacks). Ini akan digunakan untuk melekatkan kad-kad penyenaian di Tempat-tempat Kediaman.*

Alat-alat dan Borang-borang yang anda akan gunakan



2.3.2.

Borang-Borang:

Anda akan juga diberi borang-borang dan buku-buku panduan dan arahan seperti berikut:-

- (i) *Buku Penyenaraian Rumah (Borang 1)*
- (ii) *Borang Tempat Kediaman (Borang 2).* Anda akan diberi secukupnya borang ini untuk menyempurnakan kerja bagi seluruh Blok Penghitungan anda. Sekiranya anda kekurangan borang, sila hubungi Penyelia anda dengan segera. Beliau akan memberikan anda borang-borang tambahan.
- (iii) *Terjemahan-terjemahan Borang 2 ke Bahasa Inggeris (2a), China (2b), Tamil (2c), Iban (2d) dan Kadazan (2e).* Borang ini akan menolong anda menterjemahkan soalan-soalan Banci dengan betul dari Bahasa Malaysia ke bahasa yang dituturkan oleh orang yang memberikan maklumat itu.
- (iv) *Buku Panduan untuk Peringkat Pertama (Borang 6).* Buku Panduan ini akan digunakan semasa latihan anda. Ia menerangkan tugas anda dengan lebih lanjut dan memberi panduan kepada anda cara-cara mengemukakan soalan-soalan. Simpan buku panduan ini untuk rujukan semasa kerja penghitungan sedang dilakukan.
- (v) *Buku-kerja Latihan untuk Peringkat Pertama (Borang 9).* Anda akan diminta menjawab soalan-soalan dan contoh-contoh dalam buku kerja ini sebagai sebahagian dari latihan anda.
- (vi) *Kad-Kad Penyenaraian (Borang 11).* Anda akan melekatkan kad-kad ini kepada setiap Tempat Kediaman di blok anda. Jumlah Kad Penyenaraian yang secukupnya akan diberi kepada anda untuk menyenarai kesemua Tempat-Tempat Kediaman di blok anda.
- (vii) *Kad Lawatan-Semula (Borang 12).* Pada lawatan pertama anda mungkin tidak menemui sesiapa di rumah atau tidak dapat memperoleh setiap maklumat yang anda kehendaki. Jika berlaku demikian, anda hendaklah memenuhi satu kad lawatan-semula dan berikan kepada salah seorang penghuni Isirumah atau tinggalkan dalam peti surat ataupun di tempat yang mudah ternampak sekiranya tidak ada sesiapa di rumah. Pastikan bahawa anda akan datang kembali pada masa yang telah ditentukan. Adalah menjadi satu kesalahan yang *amat berat* jika penghuni itu telah bersusah payah dan bersedia untuk menunggu anda di rumah pada masa yang ditentukan itu sedangkan anda sendiri tidak datang berkunjung.
- (viii) *Label Kotak (Borang 31).* Label ini hendaklah dilekatkan di kotak kadbod simpanan. Penyelia anda akan menunjukkan tempat yang betul untuk meletakkannya pada masa latihan. Anda dikehendaki menulis kod-kod untuk Blok Penghitungan anda. Penyelia anda akan memenuhi butir-butir lain di label itu seterusnya pada penghujung tempoh kerja penghitungan kelak.
- (ix) *Kad Kod Keturunan untuk Peringkat Pertama [Borang 58(a), (b), (c)].* Borang 58(a), ialah untuk Semenanjung Malaysia, 58(b) untuk Sabah dan 58(c) untuk Sarawak. Kad ini akan membantu anda untuk menandakan jawapan kepada soalan 10 dan 23 di Borang 2.


BAHAGIAN 3 : PENGHITUNGAN PERINGKAT PERTAMA

3.1. *PENGHITUNGAN PERINGKAT PERTAMA*

- 3.1.1. Pada Peringkat Pertama, anda akan *menumpukan kerja anda kepada tempat-tempat tinggal* iaitu rumah-rumah, rumah-rumah pangsa (flat), bilik-bilik dan lain-lain. Kita akan nama-kan tempat-tempat ini *Tempat Kediaman*.


3.2. *KERJA MENOMBOR DAN MENYENARAikan RUMAH*

- 3.2.1. Kebanyakan Tempat Kediaman tidak mempunyai nombor. Bagaimanapun kadangkala terdapat beberapa banyak nombor di setengah-tengah rumah tetapi anda mungkin tidak benar-benar tahu apa tujuannya. Oleh itu anda hendaklah memulakan kerja dengan menyenaraikan semua Tempat-tempat Kediaman di blok anda itu. Ini dilakukan dengan melekatkan kad penyenaraian pada tiap-tiap Tempat Kediaman tersebut. Dengan penyenaraian ini akan membantu anda pada Peringkat Kedua kelak.




Menombor

- 3.2.2. Selepas anda menomborkan Tempat-tempat Kediaman tersebut, anda hendaklah menyenaraikan Tempat Kediaman itu di dalam Buku Penyenaraian Rumah (Borang 1).




Membuat Senarai

- 3.2.3. Setelah menomborkan dan menyenaraikan Tempat Kediaman itu, anda dikehendaki mencatatkan butir-butir mengenainya seperti jenis binaan, dinding, bumbung, kemudahan tandas dan lain-lain. Maklumat itu hendaklah ditandakan dalam Borang 2.



- 3.2.4. Sekiranya anda menyenaraikan Tempat-tempat Kediaman yang terletak *di estet-estet, lombong-lombong, khemah-khemah membalak, dsb.* anda hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari pegawai yang menjaga sebelum memulakan tugas-tugas membanci. Borang 19(i) akan membantu anda untuk mendapatkan kerjasama dari pegawai yang berkenaan.

3.3. *KERJA RUMAH*




- 3.3.1. Sebagai sebahagian dari tugas anda, anda akan diminta membuat sedikit kerja rumah. Antara kerja-kerja tersebut termasuklah seperti melengkapkan Buku Penyenaraian Rumah, menyemak dan meneliti borang-borang dan pastikan bahawa jawapan telah ditandakan, kod-kod telah diisi dan menyusun borang-borang itu dengan kemas dan mengikut tertib. Kerja rumah ini adalah mudah dan akan mengambil masa yang singkat sahaja. Walaubagaimanapun, anda dinasihatkan supaya menyemak kerja-kerja hari itu pada malam tersebut juga supaya kerja-kerja anda sentiasa kemaskini. Jika tidak, anda akan memerlukan suatu masa yang panjang untuk membuat kerja-kerja rumah pada penghujung tempoh kerja penghitungan kelak.

3.4. PEMULANGAN ALATAN KERJA BANCİ DAN BORANG-BORANG

- 3.4.1. Pada penghujung Peringkat Pertama, Penyelia anda akan menguruskan untuk mengumpul borang-borang dan alatan kerja banci yang telah diberi kepada anda. Anda dikehendaki menyerahkan kerja-kerja yang telah disiapkan *sebaik-baik sahaja anda telah menyudahkan kerja di Blok Penghitungan anda itu.*
- 3.4.2. Borang-borang 2 yang dipulangkan hendaklah disusun mengikut tertibnya: TK 001 di atas sekali diikuti oleh TK 002 dan kemudian TK 003 dan seterusnya. Borang-borang yang telah dipenuhkan itu hendaklah dimasukkan ke dalam kotak kadbod (Peringkat Pertama) dengan label (Borang 31) dilekatkan di sebelah tepi kotak itu.
- 3.4.3. Bagi borang-borang 2 yang tidak digunakan atau dibatalkan hendaklah dipulangkan kepada Penyelia *secara berasingan.* Dengan ini telah selesailah kerja anda untuk Peringkat Pertama.

BAHAGIAN 4 : TATATERTIB ANDA SEMASA PENGHITUNGAN

4.1. TATATERTIB ANDA SEMASA TEMURAMAH



- 4.1.1. Rapatnya kerjasama yang diterima daripada orang-orang yang anda temuramah adalah bergantung kepada cara anda bertindak. Pablisiti yang luas mengenai Banci telahpun membuka jalan bagi anda untuk meneruskan kerja anda. Yang lain-lainnya terserahlah kepada kebijaksanaan anda.
- 4.1.2. Kesan yang akan anda berikan akan bergantung terutama sekali kepada *pakaian dan kelakuan anda.*
- 4.1.3. Adalah mustahak bagi anda memakai *pakaian yang kemas, ringkas dan sopan. Beradab sopan dan berbudi bahasa selalu.* Suasana yang mesra dan ramah tamah adalah perlu untuk temuramah ini.
- 4.1.4. Cara yang elok untuk memperkenalkan diri anda adalah seperti berikut:-
- “Selamat tengahari Tuan/Puan. Saya adalah seorang Penghitung Banci. Nama saya ialah Bolehkah saya berjumpa dengan Ketua Isirumah?”*
- Setelah itu, perkenalkan diri anda kepada Ketua Isirumah dan terangkan siapa anda, apa tujuan anda ke sana dan minta kebenaran untuk bertemuramah.

4.1.5. Ingat perkara-perkara yang berikut:-


- SILA*
- (i) Kemukakan soalan-soalan dengan suara yang jelas dan menyenangkan.
 - (ii) Terangkan sebarang keraguan yang mungkin ditimbulkan oleh yang ditemuramah.
 - (iii) Bersabar.

- JANGAN*
- (i) Menunjukkan kuasa anda.
 - (ii) Mengeluarkan perkataan mengugut atau mengancam.
 - (iii) Panas hati.

4.1.6. Anda adalah dianjurkan supaya menemui Ketua-ketua kampung, Penghulu, Wakil-wakil Rakyat atau lain-lain Pegawai tempatan untuk mendapatkan kerjasama mereka dan menjelaskan tujuan-tujuan Banci sebelum anda memulakan temuramah bagi isi-isi rumah dikawasan anda itu. Pegawai-pegawai ini boleh juga membantu anda untuk menunjukkan sesuatu Tempat Kediaman di-kawasan anda. Sekiranya terdapat keengganan bekerjasama dari orang yang ditemuramah, anda hendaklah mendapatkan pertolongan dari pegawai-pegawai tadi.

4.2. *BANCI ADALAH SULIT*

Banci adalah Sulit



4.2.1. Akta Banci 1960 (Disemak 1969) melarang seseorang membocorkan maklumat yang diperolehi semasa Banci kepada orang lain. Undang-undang ini adalah dikenakan kepada anda sama seperti dikenakan ke atas Pesuruhjaya Banci. Anda akan dikenakan hukuman-hukuman yang berat sekiranya anda membocorkan maklumat-maklumat Banci kepada kawan-kawan, jiran-jiran, anak saudara atau sesiapa juga. Anda mungkin berpendapat bahawa apa yang anda lihat atau dengar semasa menjalankan tugas akan menjadikan satu cerita yang seronok untuk kawan-kawan. Jangan bercerita. Rahsiakan maklumat-maklumat ini, kerana *Banci adalah sulit*.

4.3. PENGHITUNGAN – WAKTU-WAKTU BEKERJA



4.3.1. Anda akan dapati bahawa agak mudah di kawasan bandar-bandar untuk menghubungi Ketua-ketua Isirumah atau lain-lain ahli Isirumah yang bertanggungjawab di antara pukul 4.00 petang hingga 7.00 malam. Tentulah pada Peringkat Kedua masa seperti ini adalah sangat sesuai dan akan membuahkan hasil yang baik untuk kerja penghitungan dan lawatan semula. Walau bagaimanapun, untuk menyelesaikan kerja-kerja dalam masa yang telah ditentukan, anda terpaksa bekerja pada lain-lain waktu juga. Jadual kerja anda akan bergantung kepada kawasan di mana anda berada dan keadaan orang yang anda banci. Maklumat yang anda perolehi pada Peringkat Pertama adalah lebih senang didapatkan dan anda akan dapati bahawa tidaklah begitu diperlukan untuk bertemu dengan Ketua Isirumah itu sendiri.

4.3.2. *Jangan pergi melawat pada larut malam.* Anda tidak akan digemari jika anda membangunkan anggota Isirumah itu. Hari Jumaat (bagi Negeri Johor, Kedah, Kelantan, Perlis dan Trengganu) dan Ahad (bagi negeri-negeri lain) adalah hari yang sesuai bagi kerja penghitungan. Bangunlah lebih awal pada hari-hari ini dan buatlah kerja yang memuaskan.

BAHAGIAN 5 : MASAALAH-MASAALAH TEMURAMAH

5.1. KEENGGANAN



5.1.1. Sekiranya seseorang itu enggan ditemuramah, berlembutlah dahulu dengannya. Tegaskan kepada beliau akan pentingnya Banci dan kerjasama yang telah diperolehi daripada jiran-jiran lain. Beritahu kepada beliau bahawa anda telah diarah supaya melapurkan kes-kes seperti ini kepada Penyelia anda. Minta beliau berfikir tentang hal ini dan katakan bahawa anda akan datang membuat lawatan sekali lagi kemudian. Sekiranya setelah lawatan yang kedua masih tidak ada kemungkinan bertemuramah, lapurkan kes ini kepada Penyelia anda.

5.1.2. Kadangkala, anda mungkin dapati hanya seorang suri rumahtangga sahaja yang berada di rumah ketika anda berkunjung itu. Beliau mungkin malu untuk menjawab soalan-soalan anda. Bersabar dan terangkan soalan-soalan yang akan anda kemukakan. Beberapa minit yang digunakan untuk *menyakinkan dan menjelaskan perkara ini* akan menjimatkan beberapa jam untuk datang kembali. Sekiranya beliau seorang diri, jangan masuk ke dalam rumah. Duduk di tangga hadapan yang jelas kelihatan oleh orang ramai.

5.2. TIDAK ADA SESIAPA DI RUMAH



5.2.1. Anda mungkin pergi ke sebuah rumah dan dapati tiada sesiapa pun di rumah. Anda harus pastikan terlebih dahulu samada rumah itu diduduki oleh orang ataupun tidak. Ini adalah mudah untuk ditentukan dengan melihat keadaan rumah itu. Sekiranya anda tidak pasti, tanya kepada jiran-jiran.

5.2.2. Sekiranya rumah ini tidak diduduki orang iaitu kosong, anda dikehendaki mencatatkan hal ini di dalam borang-borang berkaitan. Bahagian kecil yang berikut iaitu bahagian 5.3 menerangkan bagaimana ini dilakukan.

5.2.3. Sekiranya rumah itu diduduki orang tetapi tidak ada sesiapa pun di rumah; jika anda bekerja di kawasan luar bandar, ketua isirumah atau isterinya mungkin bekerja berhampiran dengan tempat itu. Oleh itu lihat betul-betul di sekeliling rumah tersebut terlebih dahulu.

5.2.4. Sekiranya anda tidak berjumpa sesiapa, anda terpaksa datang sekali lagi. Buat catitan di Buku Penyenaraian Rumah anda. Jika anda fikirkan sesuai, tinggalkan kad kawatan semula. *Jangan catitkan Tempat Kediaman ini sebagai kosong.*

5.2.5. Terkadang-kadang anda akan hanya mendapati kanak-kanak kecil dirumah itu. Tanya mereka bilakah ibu bapa mereka atau seorang dewasa akan berada dirumah itu. *Jangan tanya mereka soalan-soalan Banci.* Datang semula pada masa seorang dewasa atau seorang anak muda telah berada dirumah itu. Apabila anda telah menentukan sesuatu masa untuk datang semula, pastikan yang anda akan datang pada waktu yang telah ditetapkan itu.

5.2.6. Sekiranya selepas membuat tiga kali lawatan anda masih lagi belum dapat menemui seorang dewasa atau anak muda dirumah itu, anda hendaklah mendapatkan apa-apa maklumat yang dapat diberikan oleh jiran-jiran atau ketua kampung itu. *Anda janganlah takut untuk merekodkan maklumat-maklumat yang kurang tepat yang didapatkan secara demikian.* Sebagaimana yang anda fahami perkara yang terpenting dalam Banci ini ialah untuk menghitung kesemua orang yang terdapat di negeri ini. Oleh hal yang demikian, anda hendaklah mendapatkan maklumat tentang bilangan orang-orang yang tidur di dalam Tempat-tempat Kediaman pada Malam Banci tersebut.

5.2.7. Dikawasan-kawasan pendalaman, anda mungkin tidak dapat membuat tiga kali lawatan jika tidak ada sesiapa dirumah disebabkan jarak tempat itu yang jauh. Dalam keadaan ini anda bolehlah mengisikan apa-apa maklumat yang dapat diberikan oleh jiran-jiran atau pegawai-pegawai tempatan. Sebagaimana yang telah disebutkan tadi perkara yang terpenting dalam Banci ini ialah untuk mendapatkan bilangan orang-orang yang tidur pada Malam Banci di Tempat-tempat Kediaman itu.

5.3. TEMPAT KEDIAMAN YANG KOSONG

5.3.1. Sekiranya Tempat Kediaman itu benar-benar didapati kosong selepas menanyakannya dari jiran-jiran sebelah, anda harus membuat perkara-perkara seperti berikut:-

Peringkat Pertama

- (i) Isikan Buku Penyenaraian Rumah (Borang 1) hingga ruangan 5
- (ii) Isikan butir-butir di Borang 2 hingga soalan 20.

Peringkat Kedua

- (i) Tulis *kosong* di dalam ruangan catitan Buku Penyenaraian Rumah (Borang 1)
- (ii) Jangan isikan Borang 3 atau 4.

5.4. BAHASA



5.4.1. Kadangkala anda mungkin alami kesulitan-kesulitan bahasa. Sekiranya Ketua Isirumah tidak faham akan kehendak anda, anggota lain dari isirumah itu mungkin dapat menolong. Andainya tiada sesiapa dalam isirumah itu yang dapat memahami anda, pertolongan jiran yang seketurunan di tempat itu mungkin boleh anda perolehi. Walau bagaimanapun, pastikan bahawa ketua isirumah itu tidak ada apa-apa halangan dengan cara ini.

5.4.2. Sekiranya anda masih mengalami kesulitan, lapurkan perkara ini kepada Penyelia anda. Beliau akan menguruskan supaya seorang Penghitung lain menjalankan temuramah itu. Catitkan bahasa yang dituturkan dalam Buku Penyenaaraan Rumah anda dan buat sedikit catitan di ruangan catitan.

5.5. *BORANG-BORANG YANG SEPARUH LENGKAP*

5.5.1. Kejayaan Banci bergantung kepada bagaimana sepenuhnya anda memenuhi borang-borang Banci itu. Anda harus berusaha untuk mendapatkan maklumat yang lengkap. Walau bagaimanapun, pada setengah-tengah keadaan anda akan dapati sukar untuk mendapatkan segala maklumat yang dikehendaki itu. Sebagai contohnya, seorang pelawat atau kawan yang berada di rumah itu pada Malam Banci tetapi telah pulang sebelum anda tiba di rumah itu untuk menjalankan pembancian. Suatu contoh lain ialah apabila anda masih lagi tidak dapat menemui seorang dewasa atau seorang anak muda walaupun anda telah membuat beberapa lawatan kerumah itu. Perkara ini telah pun disebutkan dalam para terdahulu 5.2.6 dan 5.2.7.

5.5.2. Dalam keadaan seperti ini anda hendaklah menggunakan Borang 4 sungguh pun maklumat-maklumat yang anda dapati itu mungkin merupakan agakan rambang sahaja. Maklumat yang *tidak berapa tepat* hendaklah direkodkan juga. Sekiranya Ketua Isirumah itu memberitahu anda bahawa pelawat itu berumur kira-kira tiga puluh tahun maka catitkan umurnya sebagai tiga puluh. Begitu juga dengan lain-lain soalan.

5.6. *MEMBANCING TEMPAT KEDIAMAN BERAMAI-RAMAI*

5.6.1. Semasa membentuk Blok Penghitungan, kesemua Tempat-tempat Kediaman Beramai-ramai yang mempunyai dua ratus penghuni atau lebih telah dijadikan Blok-blok Penghitungan yang Khas. Mungkin Tempat-tempat Kediaman jenis ini terletak di dalam kawasan Blok Penghitungan anda. Walau bagaimanapun, Tempat-tempat Kediaman ini bukanlah menjadi tanggungjawab anda. Penyelia anda akan memberitahu anda sekiranya terdapat kes-kes sebegini dalam blok anda.

5.6.2. Walau bagaimanapun mungkin terdapat di blok anda satu atau lebih Tempat Kediaman Beramai-ramai (dengan penghuninya kurang dari 200 orang) seperti hotel yang kecil, asrama-asrama yang kecil dan seumpamanya. Tempat-tempat kediaman ini adalah menjadi tanggungjawab anda. Anda akan mengisi Borang 2 sama sebagaimana untuk Tempat Kediaman yang lain.

BAHAGIAN 6 : SEBELUM PENGHITUNGAN PERINGKAT KEDUA DIMULAKAN

6.1. *LATIHAN*

6.1.1. Sebelum penghitungan Peringkat Kedua dijalankan, anda akan diberi latihan sekali lagi. Anda akan dilatih oleh Penyelia anda. Adalah mustahak bagi anda memahami dengan sepenuhnya tentang kerja yang diharapkan daripada anda. Sekiranya anda mempunyai apa-apa keraguan, sila kemukakan kepada Penyelia anda.

- 6.1.2. Latihan ini adalah sangat mustahak. Sekiranya anda tidak menghadiri latihan-latihan ini, anda tidak akan dibenarkan menjalankan kerja-kerja Banci ini. Sayugialah diingatkan bahawa anda adalah dibayar gaji untuk menghadiri latihan ini.

6.2. *ALATAN KERJA BANCİ DAN BORANG YANG ANDA AKAN GUNAKAN*

(Ingatan Kepada Penyelia: Bahagi-bahagikan alatan kerja banci dan borang-borang kepada Penghitung-penghitung sekarang ini).

6.2.1. *Alatan Kerja Banci*

Alatan yang sama yang telah digunakan pada Peringkat Pertama telahpun diberikan semula kepada anda untuk kerja penghitungan Peringkat Kedua terkecuali kotak kadbod. Kotak kadbod yang baru (lebih besar dari kotak yang dahulu) akan diberikan pula kepada anda bersama-sama dengan dua batang pensil yang baru sebagai tambahan.

6.2.2. *Borang-Borang*

Pada Peringkat Kedua, anda akan diberi balik Buku Penyenaraian Rumah yang telah diambil daripada anda pada penghujung Peringkat Pertama dahulu. Kad-kad Lawatan Semula juga akan digunakan sekali lagi. Di samping itu, borang-borang baru seperti berikut akan digunakan semasa Peringkat Kedua:-


- (i) *Borang Isirumah (Borang 3).* Anda akan diberi secukupnya borang-borang ini untuk digunakan bagi meliputi seluruh Blok Penghitungan anda. Sekiranya anda kekurangan borang, sila hubungi Penyelia anda dengan segera. Beliau akan memberikan anda borang-borang tambahan.
- (ii) *Borang Perseorangan (Borang 4).* Anda akan diberi secukupnya borang-borang ini untuk digunakan bagi meliputi seluruh Blok Penghitungan anda juga. Sekiranya anda kekurangan borang, sila hubungi Penyelia anda dengan segera. Beliau akan memberikan anda borang-borang tambahan.
- (iii) *Terjemahan-terjemahan Borang 3 ke Bahasa Inggeris (3a), China (3b), Tamil (3c), Iban (3d) dan Kadazan (3e).* Borang-borang ini akan menolong anda menterjemahkan soalan-soalan Banci dengan tepat dari Bahasa Malaysia ke bahasa yang dituturkan oleh orang yang memberikan maklumat itu.
- (iv) *Terjemahan-terjemahan Borang 4 ke Bahasa Inggeris (4a), China (4b), Tamil (4c), Iban (4d) dan Kadazan (4e).* Borang-borang ini akan menolong anda menterjemahkan soalan-soalan Banci dengan tepat dari Bahasa Malaysia ke bahasa yang dituturkan oleh orang yang memberi maklumat.
- (v) *Buku Panduan untuk Peringkat Kedua (Borang 7).* Buku Panduan ini akan digunakan semasa latihan anda. Ia menerangkan tugas anda dengan lanjut dan memberi panduan kepada anda tentang cara-cara mengemukakan soalan-soalan. Simpan buku panduan ini untuk rujukan semasa kerja penghitungan sebenarnya.

- (vi) *Buku-kerja Latihan untuk Peringkat Kedua (Borang 10).* Anda akan menjawab soalan-soalan bagi contoh-contoh dari buku ini sebagai sebahagian dari latihan anda.
- (vii) *Kad Kod Penghitung (Borang 14a, b, c).* Borang 14a adalah untuk Semenanjung Malaysia, 14b untuk Sabah dan 14c untuk Sarawak. Anda akan gunakan kod ini untuk menolong anda mencatatkan kumpulan keturunan, umur, peringkat persekolahan, perhubungan dengan ketua isirumah, sebab tidak mencari pekerjaan, sebab migrasi, bidang latihan vokesyenal dan pendapatan isirumah.
- (viii) *Kad terima kasih (Borang 13).* Sebagai menyatakan penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh Isirumah, anda hendaklah memberikan kad ini selepas berakhirnya kerja anda dengan Isirumah itu.
- (ix) *Borang Penghitungan Sendiri (Borang 33).*

BAHAGIAN 7 : PENGHITUNGAN PERINGKAT KEDUA

7.1. *PENGHITUNGAN PERINGKAT KEDUA*

- 7.1.1. Pada Peringkat Kedua anda akan menumpukan kerja anda kepada menghitung bilangan anggota dalam setiap isirumah dan mencatatkan ciri-ciri mengenai mereka.



- 7.1.2. Untuk tujuan itu borang 3 dan 4 akan digunakan. Borang 3 adalah untuk membuat senarai orang-orang yang lazimnya menjadi anggota isirumah dan untuk menunjukkan sesiapa yang tidur di dalam Isirumah pada Malam Banci itu, termasuk tetamu-tetamu jika ada.

- 7.1.3. Untuk tiap-tiap seorang yang disenaraikan dalam Borang 3 yang bermalam sebagai sebahagian dari isirumah pada Malam Banci itu borang 4 hendaklah dipenuhi. Borang 4 adalah untuk mencatatkan maklumat-maklumat mengenai seseorang iaitu umur, kumpulan keturunan, tempat lahir, pekerjaan dan lain-lain.

- 7.1.4. Dalam siaran-siaran pablisiti mengenai Banci, ketua-ketua isirumah telah diminta menyenaraikan nama-nama orang yang tidur di Tempat Kediaman mereka pada Malam Banci. Dengan adanya siaran-siaran sebegini akan memudahkan anda untuk mendapatkan senarai orang-orang yang berkenaan yang lebih lengkap semasa membanci kelak.


7.2 PENGHITUNGAN – HARI BANCİ

Masa untuk Menghitung



- 7.2.1. Adalah penting diingatkan, anda akan hanya memulakan kerja penghitungan bagi Peringkat Kedua pada *Hari Banci*. Tiap-tiap seorang, adalah dikira dari *Tengahmalam 10 (Selasa)/11hb (Rabu) Jun, 1980*. (Ini diterangkan dengan lebih lanjut lagi di dalam Buku Panduan untuk Peringkat Kedua, iaitu Borang 7).
- 7.2.2. Anda mungkin dikehendaki melawat hotel-hotel sebelum *Hari Banci* itu. Walau bagaimanapun, temuramah sebenarnya hanya bermula pada pagi *Hari Banci* itu.

7.3. KERJA RUMAH



7.3.1. Sebagai sebahagian dari tugas anda, anda akan diminta membuat sedikit kerja rumah. Antara kerja itu termasuklah perkara-perkara seperti melengkapkan Buku Penyenaraian Rumah, menyemak jawapan-jawapan dan kod-kod di dalam borang-borang serta menyusun borang-borang mengikut tertib. Kerja rumah ini adalah mudah dan akan mengambil masa yang singkat sahaja. Walau bagaimanapun, anda dinasihatkan supaya menyempurnakan serta menyemak kerja-kerja hari itu pada malam itu juga supaya kemaskini. Jika tidak, anda akan memerlukan suatu masa yang panjang untuk membuat kerja-kerja rumah pada penghujung tempoh kerja penghitungan kelak.

7.3.2. Sebagai sebahagian dari kerja rumah bagi Peringkat Kedua, anda akan mencatatkan dalam Buku Penyenaraian Rumah bilangan orang-orang yang didapati berada dalam tiap-tiap isirumah pada Malam Banci itu. Bilangan ini boleh didapati dari Borang 3.

7.4. PEMULANGAN ALATAN KERJA BANCI DAN BORANG-BORANG

7.4.1. Pada penghujung Peringkat Kedua, Penyelia anda sekali lagi akan menguruskan untuk mengumpul borang-borang dan alatan kerja banci yang diberi kepada anda tempoh hari. Anda dikehendaki menyerahkan kerja-kerja yang telah disiapkan *sebaik-baik sahaja anda telah menyudahkan kerja di Blok Penghitungan anda itu*.

7.4.2. Borang-borang yang dipulangkan itu, borang 3, 4 dan 33 (jika ada), hendaklah disusun mengikut tertibnya; iaitu isirumah Pertama (Borang 3) bagi TK 001 di atas sekali, diikuti oleh Borang Perseorangan (Borang 4) dengan dimulai oleh orang Pertama, dan kemudian Kedua, Ketiga dan seterusnya bagi isirumah itu; dan selapas itu isirumah Kedua bagi TK 001 juga sekiranya terdapat lebih dari satu isirumah di TK itu diikuti oleh Borang-borang Perseorangan bagi isirumah itu; dan seterusnya isirumah-isirumah berikut bagi TK yang sama. Kemudian disusuli oleh isirumah Pertama bagi TK 002 dan diikuti dengan Borang Perseorangan dan demikianlah seterusnya bagi isirumah berikutnya dan TK – TK yang selanjutnya. Kesemua borang-borang yang telah dipenuhi ini hendaklah dimasukkan ke dalam kotak kadbod (Peringkat Kedua) dengan label (Borang 31) dilekatkan di sebelah tepi kotak itu. Buku Penyenaraian Rumah (Borang 1) , hendaklah dimasukkan ke dalam kotak ini juga dan diletakkan di atas sekali.

7.4.3. Bagi Borang-borang 3 dan 4 (dan 33 jika ada) yang tidak digunakan atau dibatalkan hendaklah dipulangkan kepada Penyelia secara berasingan. Jangan dicampurkan dengan borang-borang yang telah dipenuhi itu.

7.4.4. Dengan itu maka telah selesailah tugas anda dalam kerja Peringkat Kedua ini.

7.5. TATATERTIB ANDA SEMASA PENGHITUNGAN DAN MASAALAH TEMURAMAH

7.5.1. Bahagian 4 (mengenai Tatatertib Anda Semasa Penghitungan) dan bahagian 5 (mengenai Masalah Temuramah) adalah serupa bagi Peringkat Kedua ini, seperti juga untuk Peringkat Pertama.

7.5.2. Berhubung dengan Tempat Kediaman Beramai-ramai sebagaimana yang disebutkan dalam para 5.6.2. terdahulu, bolehlah di bahagikan kepada dua jenis yang terbesar sebagai berikut:-

- (a) Tempat-tempat Kediaman yang mempunyai *penghuni yang tetap* seperti di institusi-institusi pelajaran, ugama atau kebajikan dan sebagainya; seperti *sekolah-sekolah berasrama, asrama anak-anak yatim, dsb*. Anda akan membanci mereka sama seperti yang dilakukan kepada tempat tempat kediaman persendirian (yunit perumahan). Anda akan menggunakan borang 4 untuk memenuhi butir-butir perseorangan. Walau bagaimanapun anda dikehendaki mendapatkan kebenaran untuk memasuki bangunan-bangunan itu. Borang 19(i) akan membantu anda untuk mendapatkan kerjasama dari pihak yang bertanggungjawab itu.

- (b) Tempat-tempat Kediaman yang mempunyai *penghuni yang sementara* seperti hotel-hotel yang kecil, rumah persinggahan, rumah-rumah tumpangan dan seumpamanya, anda akan lakukan sebagai berikut:-
